

10/07/1999

Projek mega persediaan alaf baru: PM

Azlan Jaafar; Jamhariah Jaafar; Hizraf Tazif Hashim; Ebi Azly Abdullah PUTRAJAYA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pembinaan pelbagai projek mega termasuk bandar raya pintar berkembar, Putrajaya dan Cyberjaya, bukan pembaziran sebaliknya bagi menghadapi era teknologi yang lebih mencabar pada alaf baru.

Malah, kata Perdana Menteri, Malaysia selama ini mengamalkan sikap konservatif dalam pengurusan kewangannya, walaupun ramai pihak sukar menerima hakikat itu.

"Kita tidak membina monumen, kita membina bangunan yang boleh kita gunakan dan kita tidak membinanya hanya untuk hari ini atau hanya untuk keseronokan Perdana Menteri sekarang.

"Ia adalah untuk kerajaan negara ini pada masa depan, mungkin 100, 200 atau 1,000 tahun ..., saya tidak tahu kerana saya tidak lagi ada ketika itu," katanya pada sidang akhbar bersama 25 Ahli Penasihat Antarabangsa (IAP) bagi projek Koridor Raya Multimedia (MSC) di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Razak. Sebelum itu, IAP mengadakan pertemuan dengan menteri-menteri Kabinet.

Dr Mahathir yang menjawab soalan seorang wartawan asing mengenai dakwaan pembangkang kononnya projek Putrajaya dan Cyberjaya satu pembaziran, berkata kerajaan tidak melakukan sebarang pembaziran kerana pembinaan projek yang dikategorikan sebagai 'mega' perlu dirancang bagi jangka panjang sekurang-kurangnya bagi tempoh 100 tahun akan datang.

"Kami tidak melakukan sebarang pembaziran langsung. Seorang yang melakukan pembaziran ialah orang yang berbelanja lebih daripada kemampuannya, tetapi seorang bilionaire yang membelanjakan satu bilion wangnya bukan membazir kerana dia mempunyai wang.

"Tetapi, seorang jutawan yang berbelanja satu bilion adalah seorang yang membazir.

"Jadi kita (Malaysia) berbelanja dengan apa yang kita ada, tidak lebih daripada itu," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan kerajaan membuat keputusan untuk melakukan pelbagai projek mega termasuk pembinaan MSC dan bandar raya pintar bagi menghadapi era teknologi yang lebih mencabar.

Beliau berkata, kerajaan tidak boleh terus mentadbir negara mengikut cara lama kerana tindakan itu akan menjadikan Malaysia jauh ketinggalan.

"Jadi ini adalah perkara paling natural yang perlu dibuat, iaitu mendapatkan input daripada orang yang berpengetahuan, dengan itu apabila kita melaksanakan sistem kerajaan elektronik (e-kerajaan) kita akan melakukannya dengan betul," katanya.

Perdana Menteri mengaku kerajaan memang menerima banyak kritikan apabila mula memperkenalkan idea untuk mengadakan projek mega, seperti dua bandar raya pintar dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Bagaimanapun, beliau menjelaskan ketika cadangan itu mula dilaksanakan, Malaysia mempunyai peruntukan yang cukup dan kadar pertukaran ringgit ketika itu ialah pada RM2.50 bagi satu dolar Amerika.

"Ketika itu kita mempunyai banyak wang dan kita tidak meminjam daripada sesiapa, malah kami juga tidak meminjam satu sen pun dalam usaha membina dua bandar raya pintar ini dan lapangan terbang.

"Kami bernasib baik kerana peruntukan untuk (projek) ini adalah pada ketika nilai ringgit kukuh, iaitu pada RM2.50 bagi satu dolar Amerika,

jadi kami tidak berbelanja begitu banyak.

"(Tetapi) Jika kami terpaksa melakukannya sekali lagi sekarang, kosnya akan berganda. Jadi, dalam aspek itu kami begitu bernasib baik kerana kedudukan kewangan kami tidak tergugat dan kami mempunyai cukup wang untuk membayar semua yang kami perlukan," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak mampu merancang projek hanya untuk jangka pendek kerana pengalaman lalu mengajar Malaysia untuk bertindak lebih bijak.

Mengambil contoh Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, beliau berkata, pelan asalnya hanya untuk menampung 400,000 penumpang setahun, tetapi ketika memberhentikan operasi 30 tahun selepas pembinaannya, lapangan terbang berkenaan terpaksa mengendalikan 17 juta penumpang.

Oleh kerana itu, katanya, ketika merancang pembinaan KLIA di Sepang, kerajaan menyediakan tambahan 10,000 hektar tanah untuk perancangan KLIA bagi tempoh 100 tahun akan datang.

"Jika anda merancang hanya untuk jangka pendek, anda akan mendapati seumur hidup terpaksa menampung ketidakcukupan kawasan dan sentiasa diburu persoalan mengenai apa yang kurang.

"Jadi apabila kita membina lapangan terbang hanya untuk kapasiti bagi lima tahun akan datang, kita akan dilanda masalah kerana untuk mendapatkan satu lokasi bagi lapangan terbang baru adalah perkara paling sukar bagi mana-mana negara juga di dunia ... kerajaan Jepun akan mengesahkan perkara ini.

"Sebab itu apabila kita membina lapangan terbang, kita perlu menyediakan tanah mencukupi. Dengan itu kita boleh memperluaskan kegunaannya.

"Saya tidak tahu bagaimana rupa industri perkhidmatan udara ini dalam tempoh 100 tahun akan datang tetapi sekurang-kurangnya kita mempunyai kawasan.

"Anda tidak boleh memindahkan lapangan terbang pada bila-bila masa, jadi saya harap ini adalah kali terakhir kami akan memindahkan lapangan terbang," katanya.

(END)